

BAHASA PENGURUSAN ISLAM: SUATU PENELITIAN AWAL

Munif Zarirruddin Fikri Nordin

Abstrak

Bahasa pengurusan Islam ialah bahasa yang menghubungkan diri penggunanya dengan Allah s.w.t., umpamanya memulakan sesuatu urusan yang disertai dengan kesungguhan dan keikhlasan dengan lafaz bismillah, bersyukur di atas sesuatu urusan yang diuruskan dengan baik dengan lafaz alhamdulillah, atau berazam dengan bersungguh-sungguh menguruskan sesuatu tugas dengan lafaz insya-Allah. Hubungan ini secara langsung mengikat manusia dengan penciptanya, dan seterusnya memperlihatkan perbezaan yang sangat nyata dengan ciri bahasa pengurusan lain yang membebaskan manusia daripada ikatan ketuhanan serta ikatan kepercayaan yang bersifat metafizik di sebalik isme-isme seperti sekularisme, liberalisme, modenisme, dan sebagainya.

Abstract

The language of Islamic management is the language that links its users with Allah s.w.t., for example, initiate work with full commitment and sincerity using 'bismillah', thank God for a job well-done using 'alhamdulillah', or strongly wish to do something in the future with 'insya-Allah'. Such a linguistic relationship ties man to his Creator, and differs from other language of management that liberates man from God, and from metaphysical beliefs such as secularism, liberalism, modernism and others.

PENDAHULUAN

Kandungan tamadun manusia dalam setiap tahap yang dilalui daripada tahap kelahiran sehinggalah kepada tahap kemerosotan ditandai oleh beberapa ciri utama yang dapat disifatkan sebagai fenomena material dan fenomena spiritual. Terdapat sekurang-kurangnya enam ciri utama yang dikenal pasti oleh kebanyakan pengkaji tamadun, baik yang mewakili tamadun Islam mahupun yang mewakili tamadun Barat iaitu; kehidupan di bandar, sistem pemerintahan dan kerajaan, bahasa dan tulisan, sistem perundangan, agama dan sistem kepercayaan, dan pengkhususan dalam pekerjaan. Keenam-enam ciri ini dari segi fungsinya saling melengkapi antara satu sama lain.

Dalam konteks bahasa sebagai satu daripada ciri utama di dalam kandungan tamadun, kepentingan bahasa sangat ketara apabila menjadi medium dalam interaksi dan komunikasi manusia. Dari sudut falsafah bahasa, manusia berbahasa kerana manusia adalah makhluk yang bertutur (*hayawan natiq*). Fitrah manusia sebagai makhluk yang bertutur ini menjadikan kehidupan manusia dalam lingkaran sosialisasinya sebagai kehidupan yang penuh bermakna dan bermatlamat. Maka, pengisian pada kehidupan yang sedemikian sifatnya amat bergantung kepada pemindahan, pertukaran dan perkongsian idea, maklumat, kepakaran dan sebagainya di antara seorang manusia dengan manusia yang lain.

Sebagai wahana, bahasa pada prinsipnya digunakan dalam setiap interaksi dan komunikasi manusia dengan variasi ciri-cirinya yang tersendiri termasuk juga dalam pengurusan. Kewujudan sistem perbandaran, sistem pemerintahan dan kerajaan, sistem perundangan, sistem kepercayaan, pengkhususan pekerjaan dalam tamadun manusia bukanlah suatu yang berlaku tanpa dirancang. Tentunya kewujudan sistem-sistem yang dinyatakan tadi adalah kerana wujudnya sistem pengurusan yang cekap dan berkesan, dan serentak dengan kecekapan dan keberkesanan itu juga wujud pula bahasa yang berupaya mengungkapkan segala yang diperlukan oleh sistem pengurusan tersebut.

DEFINISI

Daripada perspektif Islam, teori-teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik Barat pada abad ke-19 jauh bertentangan dengan apa yang dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran pada abad ke-7 lagi. Hakikatnya kebenaran al-Quran telah berada di hadapan mendahului kedangkalan teori-teori Barat selama hampir dua belas abad. Al-Quran telah memberi jawapan yang benar kepada persoalan asal usul bahasa sekali gus

menolak teori-teori Barat melalui ayat-ayat berikut:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

(*Surah al-Tin* 95:4).

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”. Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui”.

(*Surah al-Baqarah* 2:30).

“Dan Dia mengajar Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: “Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar”.

(*Surah al-Baqarah* 2:31).

Penciptaan manusia dalam keadaan yang serba sempurna bermaksud bahawa manusia dilengkapi dengan segala keperluan sesuai dengan tugas yang diamanahkan kepadanya iaitu sebagai khalifah. Maka, keperluan yang paling asas bagi manusia dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah ialah bahasa, yakni sebagai alat dan wahana untuk manusia gunakan dalam interaksi bagi mendapatkan pula keperluan lain. Sebagai contoh, untuk mendapatkan makanan dan minuman iaitu keperluan yang diperlukan untuk nyawa dan tubuh badan, manusia memerlukan bahasa.

Penciptaan ini juga turut menjelaskan bahawa apa yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Adam a.s., bukanlah makanan, minuman, atau harta, tetapi bahasa, iaitu dalam bentuk nama-nama (perkataan-perkataan). Pengurniaan tersebut mengisyaratkan bahawa bahasa adalah mekanisme yang membezakan martabat manusia dengan para malaikat, jin, iblis, haiwan, dan makhluk-makhluk lain. Dengan kata lain, dengan bahasalah manusia membezakan dirinya dengan makhluk-makhluk lain kerana bahasa membawa manusia mengenali ilmu, dan ilmu yang dikenali itu kemudiannya dapat memperkukuhkan pula martabatnya sebagai khalifah.

KONSEP BAHASA PENGURUSAN ISLAM

Konsep bahasa yang paling penting ialah memahami hubungannya dengan sosial, atau dengan kata lain pemerian fungsinya sebagai medium sosial. Oleh sebab sifat bahasa adalah sifat sosial, maka kemajuan bahasa amat dipengaruhi oleh kemajuan masyarakat penuturnya, dan begitu juga sebaliknya, kemajuan masyarakat penutur bahasa banyak sekali dipengaruhi oleh kemajuan bahasanya. Allah s.w.t. telah membuat perumpamaan bahasa yang berfungsi sosial (bahasa yang baik) dengan sebatang pokok yang baik di dalam firman-Nya:

“Tidakkah engkau lihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah menggumpamakan kalimah yang baik seperti sebatang pokok yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat dan mendapat pelajaran”.

(Surah Ibrahim 14:24–25).

Menurut Muhammad Ali al-Sabuni (1986), Ibn Kathir dalam tafsiran ayat ini memetik pandangan Ibn Abbas yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan kalimah yang baik ialah ‘kalimah-kalimah tauhid’, sementara yang dimaksudkan dengan batang pokok yang baik ialah ‘orang yang beriman’. Ternyata al-Quran menganjurkan supaya manusia menggunakan keupayaan berbahasa yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. berdasarkan ketentuan akidah, syarak, dan akhlak yang bersumberkan al-Quran dan al-sunah untuk mencapai tahap keimanan, ketakwaan, dan amal saleh.

Oleh sebab itu, bahasa yang dapat mencapai matlamat tadi dapat pula melahirkan manusia beriman yang diibaratkan pokok yang baik. Apabila tiba masanya, akan menjadi pokok yang rendang dan mengeluarkan buah yang ranum, memberi manfaat dan kebaikan kepada manusia dan haiwan, serta sebagai tempat berteduh dan berlindung ketika panas.

Dalam pengertian lain, bahasa yang baik lagi bernilai terhasil daripada budi dan sopan santun serta bertitik tolak daripada keimanan, ketakwaan, dan amal saleh yang akhirnya membawa keamanan dan menghasilkan kesejahteraan kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Manakala bahasa yang buruk yang penuh dengan kepalsuan, pendustaan, dan kekufuran sebaliknya akan membawa kepada kehidupan yang tidak sejahtera. Allah s.w.t. menegaskan perkara di dalam ayat berikut:

“Dan perumpamaan kalimah yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi; tidak dapat tetap (tegak) sedikitpun”.

(*Surah Ibrahim 14:26*).

Bahasa yang baik yang digunakan oleh masyarakat pengguna yang beriman akan membawa mereka mengecapi ganjaran yang sangat tinggi nilainya. Ganjaran yang dimaksudkan ialah hati dan pendirian mereka diperteguhkan oleh Allah s.w.t. di atas landasan keimanan seperti yang dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam ayat berikut:

“Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh (kalimah yang baik) dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Dia melakukan apa yang dikehendaki”.

(*Surah Ibrahim 14:27*).

Oleh yang demikian, dalam kerangka seumpama ini, apa-apa bidang yang dikembangkan oleh sesebuah masyarakat termasuk juga bidang pengurusan sangat bergantung kepada bahasa yang digunakan penutur-penutur dalam masyarakat tersebut atau secara khususnya dalam sesebuah organisasi pengurusan. Malah dalam beberapa situasi, pengurusan dan pentadbiran dirujuk oleh ahli sosiologi bahasa sebagai faktor yang menentukan penyebaran, persaingan, dan dominasi bahasa.

Ini ditegaskan oleh Ronald Wardhaugh (1987) dalam *Language in Competition: Dominance, Diversity, and Decline* bahawa keselesaan dalam pentadbiran (*administrative convenience*) adalah salah satu faktor yang mempengaruhi penyebaran bahasa selain daripada faktor agama, penghijrahan, dasar politik dan pemerintahan, dasar ekonomi dan perdagangan, pengasingan geografi, dan perbandaran. Antara satu faktor dengan satu faktor yang lain dalam sesetengah keperluan wujud perkaitan yang sangat erat, dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Bahasa pengurusan bermaksud bahasa sebagai medium dan objek dalam pengurusan. Yang dimaksudkan dengan bahasa sebagai medium dalam pengertian yang mudah ialah bahasa dapat menghubungkan elemen-elemen dalam pengurusan seperti antara manusia dengan manusia, atau antara manusia dengan alat komunikasi seperti komputer. Manakala yang dimaksudkan dengan bahasa sebagai objek ialah bahasa dapat dijadikan sebagai bahan kajian untuk menyelidik keperluan dan perkembangan yang berlaku dalam pengurusan melalui pendekatan linguistik.

Menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin (1997:37), pengurusan Islam ialah “satu kajian ilmiah dan juga satu kesenian yang bergantung kepada bakat dan kebolehan seseorang yang akan menjadi pengurus”. Perlu diakui istilah ini belum sampai ke suatu tahap yang mantap kerana istilah pengurusan (*al-idarah*) masih baru dalam kamus Islam.

Namun, seyogianya ditegaskan di sini bahawa dari segi bentuk, nama, peraturan dan istilah yang digunakan oleh sistem pengurusan hari ini, memang diakui berbeza dengan penggunaannya pada zaman Rasulullah s.a.w., dan Khulafa’ al-Rasyidin. Tetapi pada hakikatnya, elemen-elemen tersebut dalam dua zaman berkenaan adalah sama dari segi polisi dan amalannya, hanya nama dan istilahnya sahaja yang berbeza (Abu Sin 1997:38–9). Di Barat, sistem pengurusan berbentuk sekular sebenarnya juga masih baru kerana hanya muncul pada pertengahan abad ke-19 untuk memenuhi tuntutan dan keperluan revolusi industri yang mengambil alih revolusi pertanian (Abu Sin, 1997:36).

Hakikat sejarah dan realiti kontemporari membuktikan bahasa Arab memang memiliki khazanah teks pengurusan yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan tamadun dunia hasil penulisan para tokoh dan ulama Islam. Sebagai contoh pada abad ke-10 dan ke-11, al-Mawardi (364H/974M–450H/1060M) telah menghasilkan lima tulisan penting berkaitan dengan politik dan pentadbiran iaitu *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, *Nasihah al-Muluk*, *Qawamim al-Wuzara’*, *Tashil al-Nazar wa Ta’jil al-Zafar* dan *Hawi al-Kabir*. Menurut Md. Akhir Hj. Yaakob (1996), tulisan-tulisan al-Mawardi memberi tumpuan terhadap aspek akhlak, kepakaran, dan kelayakan pentadbir dalam pengurusan dan pentadbiran.

Dekad ke-6 abad ke-20 dapat disifatkan sebagai dekad permulaan pengkajian pemikiran pengurusan Islam dalam bentuk perbandingan dengan ideologi pengurusan semasa. Hal ini dapat dibuktikan dengan kemunculan hasil-hasil penulisan seperti yang berikut (Abu Sin, 1997:281):

1. Sadiq Mahdi al-Sa’id, 1965. *Al-‘Amal wa al-Dhaman al-Ijtima’iy fi al-Islam*. Baghdad: Matba’ah al-Ma’arif.
2. Muhammad Abdul Mun’im Khamis, 1974. *Al-Idarah fi Sadr al-Islam: Dirasah Muqaranah*. Kaherah: *Majlis al-A’la li Syu’un al-Islamiyyah*.
3. Amin Abdul Hadi, 1975. *Al-Fikr al-Idariy al-Islamiy wa al-Muqarin*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy.
4. Al-Qutb Muhammad al-Qutb Tabliyyah, 1978. *Nizam al-Idarah fi*

al-Islam. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiy.

5. Husam Quwam al-Samra'iy, 1971. *Al-Mu'assasah al-Idariyyah fi al-Dawlah al-'Abasiyyah*. Damsyik: Maktabah Dar al-Fath.

Malangnya teks-teks yang bersifat konseptual berkenaan tidak terkenal di dunia Melayu. Begitu juga teks-teks bersifat teknikal seperti matematik pengurusan yang memperkenalkan kaedah-kaedah analisis dalam menyelesaikan masalah dan isu-isu pengurusan bukanlah asing dan terpinggir dalam tema-tema penulisan Islam. Sebagai contoh, al-Kindi yang menghasilkan lebih 11 buah teks berkenaan aritmetik tidak dikenali di dunia Melayu, tetapi sebaliknya diiktiraf dan disanjung oleh dunia Barat (*al-Daffa*, 1992:25).

Hanya pada dekad-dekad terakhir abad ke-20 anjakan paradigma pemikiran yang dicetuskan oleh kebangkitan semula Islam yang melihat pengurusan sebagai salah satu daripada landasan kebangkitan itu mulai kelihatan serta agak menonjol, dan tempoh tersebut bolehlah dianggap sebagai tempoh yang meniupkan kecenderungan penterjemahan teks-teks pengurusan Islam daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Peningkatan penghayatan Islam, kesedaran tentang ketidakupayaan sistem pengurusan Barat serta keinginan mendalami prinsip dan peraturan Islam sebagai alternatif kepada ketidakupayaan sistem pengurusan Barat tersebut adalah antara beberapa faktor yang merangsang penterjemahan teks pengurusan Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu (Munif, 2001).

Dalam tempoh tersebut, beberapa buku penting dalam bidang pengurusan Islam telah diterjemahkan. Antaranya ialah:

1. *Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Islah al-Ra' wa al-Ra'iyyah* oleh Ibn Taimiyyah, diterjemah oleh Rofi' Munawwar, dan diterbitkan oleh Risalah Gusti, Surabaya, pada tahun 1995.
2. *Al-Idarah fi Islam* oleh Dr. Ahmad Ibrahim Abu Sin, diterjemah oleh Abd. Rashid Ngah dan Jusoh Kadir, dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1991.

Sumber Bahasa Pengurusan Islam

Antara unsur bahasa yang terpenting ialah perbendaharaan kata, tatabahasa, dan bunyi. Dengan unsur-unsur inilah bahasa kemudiannya berkembang melalui proses yang tertentu. Perbendaharaan kata misalnya diperlukan untuk pemerihalan sesuatu nama atau perbuatan, sementara tatabahasa pula

diperlukan untuk mengatur pemerihalalan tadi dalam ayat agar dapat difahami oleh pengguna bahasa.

Bahasa pengurusan Islam ialah bahasa yang dibentuk oleh al-Quran dan al-sunah. Kedua-dua sumber ini menyediakan unsur-unsur bahasa yang diperlukan oleh bahasa pengurusan Islam dari sudut perbendaharaan kata sehinggalah kepada tatabahasa dan bunyi.

Al-Quran

Al-Quran dari segi bahasa ialah bacaan, gabungan, dan pemisahan. Dari segi istilah pula ialah kitab Allah s.w.t. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang termaktub di dalam mashaf, dipindahkan kepada kita daripada baginda secara *mutawatir* (Abdul Karim, 1989:155).

Sebagai asas utama, al-Quran menyediakan bahasa pengurusan Islam dengan unsur-unsur yang diperlukan, iaitu perbendaharaan kata dan tatabahasa. Sesuai dengan sifatnya sebagai wahyu atau kalam Allah s.w.t., al-Quran ternyata mencapai suatu tahap sejati yang tiada tandingannya, yang tidak mampu dijangkau oleh pancaindera dan pemikiran manusia, sebagai petunjuk kepada bahasa pengurusan Islam. Firman Allah s.w.t.:

“Kitab (al-Quran) itu tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa”.

(*Surah al-Baqarah* 2:2).

Dari sudut perbendaharaan kata, al-Quran menyediakan istilah-istilah yang tepat lagi mendalam maksudnya. Istilah-istilah seperti amanah, syura, ihsan, adil dan sebagainya menjadi inti sari penting dalam bidang pengurusan. Hal ini demikian kerana pengurusan adalah salah satu bidang yang terkandung dalam muamalat, iaitu teras ilmu mengenai hubungan manusia sesama manusia, serta tidak terpisah pula daripada ibadat, iaitu teras mengenai hubungan manusia dengan Allah s.w.t.

Oleh yang demikian, apa yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) di dalam *Islam and Secularism* bahawa Islamisasi yang pertama ialah Islamisasi bahasa Arab dapat menjelaskan bahawa betapa pentingnya bahasa dalam proses perkembangan pengurusan Islam. Menurut al-Attas (1993):

“Islamisasi bahasa Arab yang diisi dengan inspirasi Tuhan dalam bentuk wahyu telah mengubah kedudukan bahasa Arab di kalangan bahasa-bahasa manusia untuk menjadi satu-satunya bahasa manusia yang berinspirasi rabbani, dan berada di dalam keadaan ‘baru’, dan lengkap

untuk mencapai tahap paling tinggi khususnya dengan kosa kata Islamnya. Bahasa Arab tidak akan tertakluk kepada perubahan dan perkembangan, dan juga tidak dipengaruhi oleh segala macam perubahan sosial seperti mana di dalam kes bahasa-bahasa lain yang bersumberkan budaya dan tradisi. Ketinggian (martabat) bahasa Arab sebagai bahasa yang Tuhan wahyukan al-Quran kepada manusia menjadikan bahasa Arab terpelihara tanpa perubahan, hidup segar serta kekal abadi sebagai bahasa Arab yang paling tinggi martabatnya, dengan memiliki kriteria-kriteria linguistik merangkumi segala aspek di dalam menonjolkan keunggulan dan kehebatan penungkapannya”.

(Al-Attas, 1993:46).

Al-sunah

Al-sunah dari segi bahasa ialah jalan yang menjadi kebiasaan yang sentiasa diulangi berulang kali. Dari sudut istilah, al-sunah ialah apa-apa yang datang daripada diri Rasulullah s.a.w. selain daripada al-Quran dalam bentuk kata-kata, atau perbuatan, atau ketetapan (Abdul Karim, 1989:160).

Sumber kedua bagi bahasa pengurusan Islam ini secara khususnya ialah bahasa Rasulullah s.a.w., iaitu setiap suatu yang lahir daripada Rasulullah s.a.w., yang terakam di dalam sirah hidup baginda. Bahasa Rasulullah s.a.w. ini disifatkan sebagai model bahasa terbaik (*uswah hasanah*) bagi bahasa pengurusan Islam oleh Allah s.w.t. di dalam firman-Nya:

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) Hari Kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

(*Surah al-Ahzab* 33:21).

Keupayaan al-sunah menjadi model terbaik dalam konteks pengurusan Islam adalah disebabkan oleh ciri-ciri al-sunah sebagai suatu bentuk makna yang datang daripada Allah s.w.t., dan Rasulullah s.a.w. bertindak melafazkan makna tersebut dalam bentuk sama ada kata-kata (*qawl*) atau perbuatan (*fi'l*) atau pengakuan (*taqrir*). Kuasa al-sunah juga mempunyai kaitan dengan pembinaan sahsiah Rasulullah s.a.w. yang dita'*dibkan* oleh Allah s.w.t. sendiri seperti yang terkandung di dalam hadis berikut:

“Tuhanku telah mendidikku, maka Dia memperelokkan adabku”.

(Riwayat Ibn Mas'ud).

Hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. telah melalui proses

ta'dib, iaitu proses pendidikan atau pengajaran adab atau pembentukan akhlak secara langsung daripada Allah s.w.t. dalam pembinaan sahsiah baginda. Proses *ta'dib* ini menyediakan kepada Rasulullah s.a.w. kemampuan untuk mengembangkan segala potensinya ke arah pembentukan sahsiah, sikap dan watak yang sejajar dengan acuan pembentukan yang ditentukan oleh Allah s.w.t.

Justeru, al-sunah menjadi model kepada bahasa pengurusan Islam kerana secara empirikalnya telah dibuktikan oleh kejayaan Rasulullah s.a.w. memperkenalkan satu sistem pengurusan kepada dunia. Cara bagaimana Rasulullah s.a.w. menggunakan bahasa dalam menunaikan tanggungjawab baginda sebagai pemimpin dalam sistem pengurusan yang berjaya mengurus hal ehwal keluarga, masyarakat, dan organisasi negara dalam suatu masa, atau cara bagaimana Rasulullah s.a.w. menggunakan bahasa dalam pengurusan sehingga boleh meninggalkan kesan ketaatan dan seterusnya kesan keimanan kepada para sahabat baginda itulah yang dimaksudkan sebagai model kepada bahasa pengurusan Islam.

Dalam konteks ini, pengalaman Anas r.a. di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w., adalah contoh cara baginda menggunakan bahasa. Anas pernah berkata: "Aku telah berkhidmat dengan Rasulullah s.a.w. selama 20 tahun. Rasulullah tidak pernah menegurku dengan berkata: "mengapa" atau "mengapa engkau lakukan begini" pada sesuatu perkara yang aku lakukan, dan baginda juga tidak pernah berkata: "mengapa engkau tidak lakukan" pada sesuatu perkara yang aku tidak lakukan" (Abu Sin, 1997:330).

Ciri-ciri Bahasa Pengurusan Islam

Antara tujuan Rasulullah s.a.w. membentuk sebuah negara dan kerajaan di Madinah adalah untuk menegakkan akidah dan melaksanakan perintah dan larangan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Tugas yang dipikul oleh Rasulullah s.a.w. bukanlah suatu tugas yang mudah kerana model negara dan kerajaan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. tidak wujud pada zaman baginda. Dua kerajaan besar ketika itu, iaitu Rom dan Parsi berada dalam Zaman Kegelapan yang menyamai ciri-ciri zaman jahiliah di Tanah Arab.

Maka, apakah asas dan sumber yang dirujuk oleh Rasulullah s.a.w.? Bagaimanakah baginda menyampaikan asas dan sumber yang dirujuk itu kepada para sahabat seterusnya kepada para tabi'in dan tabi' al-tabi'in sehingga akhirnya berjaya membawa Islam mencapai tahap tamadun yang memberi manfaat kepada dunia sejagat?

Dalam konteks bahasa sebagai wahana dalam pemindahan asas dan sumber tersebut, tentunya bahasa yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. baik di dalam al-Quran mahupun di dalam al-sunah ialah bahasa yang berupaya membentuk kesatuan akidah, dan bahasa yang mampu menyediakan kaedah dalam pelaksanaan syariat Allah s.w.t.. Justeru, 'kuasa' dalam bahasa yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. yang secara khususnya dalam perbincangan bahagian ini merujuk kepada bahasa pengurusan Islam tentunya kuasa yang sangat suci, terarah, dan mempunyai kemuncaknya yang tersendiri.

Ciri yang paling utama dalam bahasa pengurusan Islam adalah hubungan manusia dengan Allah s.w.t., seperti yang dijelaskan sendiri oleh Allah s.w.t. melalui perumpamaan kalimah yang baik iaitu 'kalimah-kalimah tauhid', batang pokok yang baik ialah 'orang yang beriman'. Ciri ini membawa maksud bahawa manusia yang meletakkan Allah s.w.t., sebagai sumber dan matlamat penglibatannya dalam pengurusan ialah manusia yang mampu memberi manfaat dan kebaikan sebanyak mungkin kepada orang lain yang terbabit dalam aktiviti pengurusannya melalui bahasa yang digunakannya. Manusia ini dikenali sebagai manusia yang beriman yang dijanjikan pula oleh Allah s.w.t. ganjaran keteguhan keimanan di dalam hati dan pendirian mereka.

Dengan demikian, bahasa pengurusan Islam ialah bahasa yang menghubungkan diri penggunaannya dengan Allah s.w.t., umpamanya memulakan sesuatu yang disertai dengan kesungguhan dan keikhlasan dengan lafaz bismillah, bersyukur atas sesuatu urusan yang diurus dengan baik dengan lafaz alhamdulillah, atau berazam dengan bersungguh-sungguh menguruskan sesuatu tugas dengan lafaz insya-Allah. Hubungan ini secara langsung mengikat manusia dengan pencipta-Nya, yang ternyata memperlihatkan perbezaan yang sangat nyata dengan ciri bahasa pengurusan yang membebaskan manusia daripada ikatan ketuhanan serta ikatan kepercayaan yang bersifat metafizik di sebalik isme-isme seperti sekularisme, liberalisme, modenisme, dan sebagainya.

Kekuatan ciri hubungan manusia dan Allah s.w.t. ini telah menyediakan suatu asas yang saintifik dalam kajian linguistik mengenai bahasa pengurusan Islam. Sebagai Pencipta, Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui segala perkara yang diperlukan oleh manusia yang dicipta-Nya, Allah s.w.t. memperlihatkan ciri bahasa pengurusan Islam melalui wahyu di dalam al-Quran, dan juga melalui ilham kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang kemudiannya dizahirkan dalam bentuk kata-kata (*qawl*) atau perbuatan (*fi'l*) atau pengakuan (*taqirir*).

Ciri hubungan bahasa dan kepercayaan ini kemudiannya diperkukuhkan pula oleh hubungan bahasa dan hukum. Apa yang dimaksudkan dengan hubungan bahasa dan hukum ialah kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan berbahasa dan (peraturan) bahasa yang telah ditetapkan dalam penggunaannya dalam konteks mu'amalah manusia termasuk juga dalam konteks pengurusan. Peraturan inilah yang memulihara pengguna bahasa menggunakan dan memahami bahasa dengan betul sehingga melahirkan masyarakat pengguna bahasa yang sejahtera dan saling berkongsi manfaat di antara satu sama lain serta menghindarkan diri daripada terjebak dalam konflik dan persengketaan.

Bahasa pengurusan Islam yang berasaskan hubungan bahasa dan hukum ialah bahasa yang dicirikan oleh modus dan istilah bahasa yang mantap. Umpamanya perintah yang terkandung di dalam al-Quran seperti amanah dalam *Surah al-Nisa'* ayat 58 disampaikan dengan menggunakan modus dan struktur bahasa yang jelas. Begitu juga larangan khianat juga disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami seperti dalam *Surah al-Anfal* ayat 27.

Ironinya, istilah amanah dan khianat yang menjadi antonim antara satu sama lain serta sangat penting dalam pengurusan yang diperkenalkan oleh al-Quran ini bukan hanya menjadi istilah bagi bahasa Arab, tetapi juga bagi bahasa Melayu. Dari sudut ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa hukum dalam bentuk perintah dan larangan di dalam al-Quran menyediakan istilah yang tepat dalam menyatakan sesuatu yang dikehendaki. Apa yang pasti, kewujudan dan ketepatan istilah itu adalah disebabkan oleh istilah itu datang daripada Allah s.w.t. sendiri, iaitu Tuhan Yang Maha Mengetahui keperluan manusia ciptaan-Nya.

Ciri terakhir dalam bahasa pengurusan Islam yang melengkapkan hubungan bahasa dan kepercayaan dan hubungan bahasa dan hukum ialah hubungan bahasa dengan akhlak. Bahasa adalah alat untuk manusia berinteraksi dalam usaha memenuhi tuntutan dan keperluan hidup. Dengan demikian, dalam konteks sosialisasi manusia, bahasa tidak hanya memerlukan matlamat dan peraturan yang jelas di pihak penggunanya seperti yang telah dinyatakan. Bahasa juga memerlukan akhlak yang baik yang dapat memancarkan pula sifat-sifat yang baik di pihak penggunanya dalam konteks pengurusan Islam.

Tanpa sifat ikhlas, jujur, dan amanah umpamanya, bahasa yang baik sekalipun boleh digunakan untuk mencapai tujuan yang tidak baik. Bahasa pengurusan Islam yang berasaskan akhlak yang baik dapat mewujudkan suasana pengurusan yang sejahtera, saling hormat-menghormati antara satu

sama lain, jauh daripada sifat dendam, hasad dengki, prejudis, dan sebagainya yang sangat-sangat diperlukan dalam operasi sesebuah pengurusan.

Jelasnya, pokok yang baik yang menjadi analogi bagi manusia yang beriman sebagaimana yang digambarkan oleh Allah s.w.t. tidak akan menjadi pokok yang baik jika sekiranya pokok tersebut tidak membesar dan berkembang mengikut hukum atau sunah pokok. Hukum-hukum ekosistem pokok sebagai contoh memperlihatkan pokok yang baik ialah pokok yang menerima unsur-unsur biologi seperti menerima air yang secukupnya, dijaga dengan konsisten mengikut jadual, dan dibajai dengan sifat-sifat yang mulia dalam proses pembesaran dan perkembangannya.

Dengan asas-asas linguistik inilah, maka bahasa bukan sahaja dapat digunakan sebagai wahana dalam pengkajian mengenai disiplin utama dalam teras pengajian Islam seperti syariah, dakwah, dan akhlak, malahan dapat juga digunakan sebagai objek yang berupaya merentasi seluruh kawasan disiplin berkenaan. Maka, muncullah metodologi yang dapat meneliti secara saintifik mengenai apa yang dinamakan sebagai bahasa syariah, bahasa akidah, bahasa dakwah, dan juga bahasa pengurusan yang menjadi mauduk makalah ini.

Laras Bahasa Pengurusan Islam

Seyogianya diakui bahawa bahasa Arab ialah bahasa yang memiliki sejumlah besar variasi laras bahasa pengurusan Islam. Ilmu balaghah (sering kali diterjemahkan sebagai retorik?) umpamanya melalui ilmu *al-ma'ani* menyediakan tema perbincangan laras bahasa seperti *al-insya'*, *al-khabar*, *al-qasr*, *al-wasl*, *al-ijaz* dan sebagainya yang sangat penting untuk komunikasi antara peribadi dalam pengurusan Islam.

Namun sebelum memahami ilmu balaghah, ilmu nahu terlebih dahulu berfungsi menyediakan kaedah dan peraturan asas cara mengguna dan mengatur perkataan di dalam ayat. Penggunaan partikel, kata kerja aspek, kata adverba masa, aspek sistem serta sistem modus umpamanya ditentukan terlebih dahulu oleh ilmu nahu, kemudiannya diperhalusi dengan terperinci oleh ilmu balaghah. Dalam satu ruang kosong, kewujudan variasi laras bahasa dalam pengurusan dapat diketengahkan oleh Islam melalui pendekatan linguistik. Ilmu nahu dan ilmu balaghah dimanfaatkan untuk menghasilkan genre bahasa yang bernilai tinggi, tepat, dan memberi kesan kepada pengguna bahasa.

Satu contoh yang sangat menarik untuk diketengahkan di sini ialah

strategi penggunaan perkataan dalam ayat antara peribadi seperti yang dibincangkan dalam ilmu al-ma'ani. Bahasa pengurusan Islam melalui bahasa Arab khususnya memperkenalkan strategi panjang atau pendek perkataan berasaskan kedudukan penerima atau pendengar. Maka wujudlah laras *al-ijaz*, iaitu 'penggunaan sedikit perkataan bagi menjelaskan banyak maksud', laras *al-itnab*, iaitu 'penggunaan banyak perkataan bagi menjelaskan sedikit maksud, dan laras *al-musawah*, iaitu 'penggunaan yang setara antara perkataan dengan maksud'.

Selain itu, terdapat beberapa contoh partikel yang penting untuk diteliti iaitu seperti seruan, perintah, larangan, dan harapan dalam laras bahasa pengurusan Islam kerana partikel ini memberi kesan dari sudut penggunaannya kepada penutur dan pendengar. Kesan yang dimaksudkan di sini ialah kedua-dua belah pihak penutur dan pendengar diberi pilihan peranan oleh sistem ayat yang dipanggil modus.

(a) Modus seruan:

"Wahai orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan pemerintah di kalangan kamu ...".

(*Surah al-Nisa'* 4:59).

Dalam ayat (a), Allah s.w.t. menggunakan kata seruan (wahai orang-orang yang beriman) sebelum mengeluarkan perintah supaya memberikan ketaatan kepada Allah, Rasul, dan pemerintah. Gabungan modus seruan dan modus perintah seperti dalam ayat tersebut dikenali sebagai seruan vokatif, iaitu seruan yang diwujudkan oleh kata nama (orang-orang yang beriman). Ada empat tujuan penggunaan modus seruan. Pertama, untuk mendapatkan reaksi segera daripada orang-orang yang beriman berhubung perintah yang dikeluarkan. Kedua, untuk mengkhususkan perintah kepada orang-orang yang beriman. Ketiga, untuk mengingatkan orang-orang yang beriman supaya mematuhi apa yang diperintahkan kepada mereka. Keempat, untuk memberi penghormatan kepada orang-orang yang beriman sebelum dikeluarkan perintah kepada mereka.

(b) Modus perintah:

"Wahai orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan ...".

(*Surah al-Nisa'* 4:135).

Dalam modus perintah seperti dalam ayat (b), Allah s.w.t. berperanan sebagai pengawal wacana, manakala orang-orang yang beriman yang

dikawal oleh mesej dalam wacana itu berperanan menerima mesej tersebut. Dengan itu, perintah Allah s.w.t. tidak hanya terbatas kepada jawapan seperti 'ya kami akan menegakkan keadilan' (dalam bunyi bahasa) semata-mata, tetapi disertai juga dengan gerak balas yang terdiri daripada perbuatan menegakkan keadilan. Reaksi kepada penerimaan mesej tersebut berlaku dalam bentuk bunyi dan perbuatan itu adalah sejajar dengan ciri-ciri orang yang beriman iaitu berikrar dengan lisan, membenarkan dengan hati dan seterusnya beramal dengan perbuatan.

ISTILAH-ISTILAH PENGURUSAN ISLAM

Kebangkitan Revolusi Iran pada tahun 1979, pernah dikaitkan dengan kemampuan pendukung gerakan revolusi berkenaan membangkitkan kesedaran dan semangat rakyat Iran melalui bahasa yang digunakan. Ali Shari'ati (1979) umpamanya dalam syarahan beliau berjaya menyuntik sentimen rakyat Iran menggunakan pendekatan intelektual dalam bahasa politik Islam. Istilah-istilah yang penting dalam kepercayaan politik khususnya jihad, fi sabilillah, mustad'afin dan mustaabirin disebarluaskan dalam bentuk gerakan.

Pengurusan Islam seperti juga politik Islam mempunyai genre bahasanya yang tersendiri. Istilah-istilah yang membangun dan mengembangkan pengurusan Islam sebagai suatu bidang penting pada zaman Rasulullah s.a.w. khususnya ialah istilah-istilah yang diperkenalkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadis. Ini bermakna, sebagai sumber, al-Quran dan hadis memang berupaya menyediakan istilah-istilah yang menjadi asas dalam bahasa pengurusan.

Beberapa contoh istilah pengurusan Islam yang penting yang disediakan oleh al-Quran dan hadis ialah:

(a) Syura

"Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarahlah dengan mereka tentang urusan itu ...".

(*Surah Ali 'Imran 3:159*).

(b) Adil

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu agar melaksanakan amanah kepada yang empunya dan apabila engkau menghukum antara manusia,

hendaklah kamu hukum dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik mengajar kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar Lagi Maha Melihat”.

(*Surah al-Nisa’* 4:58).

(c) Ihsan

“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat ihsan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan ...”.

(*Surah al-Nahl* 16:90).

(d) Amanah

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu khianat kepada Allah dan Rasul dan jangan juga melakukan khianat terhadap barang-barang yang diamanahkan kepada kamu, sedangkan kamu mengetahu”.

(*Surah al-Anfal* 8:27).

(e) Taat

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan pemerintah dari kalangan kamu ...”.

(*Surah al-Nisa’* 4:59).

(f) Jujur

“... sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja ialah orang yang kuat dan jujur”.

(*Surah al-Qasas* 28:26).

(g) Tekun dan bersungguh-sungguh

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Bekerjalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

(*Surah al-Taubah* 9:105).

(h) Hikmah

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan

mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk”.

(*Surah al-Nahl* 16:125).

(i) Persaingan

“Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menunjnya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(*Surah al-Baqarah* 2:148).

(j) Tolong-menolong

“... hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”.

(*Surah al-Ma'idah* 5:2).

(k) Menepati janji

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Dia kehendaki”.

(*Surah al-Ma'idah* 5:1).

(l) Ma'ruf

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

(*Surah Ali 'Imran* 3:104).

(m) Mungkar

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik”.

(*Surah Ali 'Imran 3:110*).

(n) Rekod

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya dan janganlah dia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu”.

(*Surah al-Baqarah 2:282*).

KESIMPULAN

Transformasi bahasa dalam hubungannya dengan transformasi masyarakat penggunaannya menjadi sebahagian daripada ciri penting dalam perkembangan sosiologi bahasa. Bahasa Arab atas sifatnya sebagai bahasa al-Quran dan al-sunah, iaitu dua sumber tamadun Islam telah mengalami transformasi bahasa dalam daerah resapan bahasa yang luas termasuk di Alam Melayu. Transformasi bahasa yang dibawa oleh bahasa Arab sebagai wahana kepada perkembangan Islam terbukti berupaya menyediakan perbendaharaan kata bagi memahami tasawur pengurusan Islam sehingga wujudlah bahasa pengurusan Islam. Apa-apa yang diperlukan untuk mengungkapkannya sesuatu yang berkaitan dengan keperluan asas dalam pengurusan Islam dapat disediakan oleh bahasa Arab.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan, 1989. *Al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ab. Rahim Mahmood, 2002. "Pendefinisian Bahasa", dlm. *Dewan Bahasa*, Mei 2:5, 27-29.
- Abu Sin, Ahmad Ibrahim, 1997. *Pengurusan dalam Islam* (terj. Abd. Rashid Ngah dan Jusoh Kadir daripada *Al-Idarah fi al-Islam* [1984]). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Shari'ati, 1979. *On the Sociology of Islam* (translated from the Persian by Hamid Algar). Berkeley: Mizan Press. .
- Anis Farihat, 1973. *Nazariyyat fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali, 1986. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Qalam.
- Imil Badi', 1986. *Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah wa Khasa'isuha*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Md. Akhir Hj. Yaakob, 1996. *Pentadbiran Islam Menurut al-Mawardi* dlm. Abd. Halim el-Muhammady (penyelenggara) *Pengurusan dalam Islam*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin, 2001. *Masalah Menterjemah Teks Pengurusan Islam: Daripada Infleksi Arab kepada Aglutinatif Melayu* dlm. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-8*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman, 1999. *Teori Bahasa Menurut Pandangan Islam* dlm. *Pelita Bahasa*, Oktober 11:10, hlm. 26-27.
- Wardhaugh, Ronald, 1987. *Language in Competition: Dominance, Diversity, and Decline*. Oxford: Basil Blackwell Ltd.